

Esa, Ahmad and Warman, Sarebah and Ab Hadi, Mohd Yusop and Mohamed, Sharul Nizam (2001). *Prosiding International Education Conference*. Kuala Lumpur: ICT Learning Sdn Bhd. PP 94-102. 983-40860-0-8

**STUDENTS' TEACHERS' & PARENT'S PERCEPTION TOWARD THE
IMPLEMENTATION OF THE SCHOOL TO CAREER PROGRAMME: A CASE
STUDY**

AHMAD BIN ESA
SAREBAH BTE WARMAN
MOHD. YUSOP BIN ABD. HADI
SHARUL NIZAM BIN MOHAMED

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO)

BEG BERKUNCI 101

86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT

(Tel.: 07-4546800/6822/ aneh98@hotmail.com/)

School to Career (STC) is a programme initiated by the Curriculum Development Center, Ministry of Education (CDC) and first implemented in schools in Malaysia in June 1998. Among the objectives of the programme are to enable students to follow the academic system based on their academic ability and to develop their potential skill through experience at work place. Based on the 1998 School to Career Report and the consecutive 1999 and 2000 Pilot Project Supervisory Reports it was generally found that the programme has been well received by the parties directly involved in the programme. Therefore, a case study was conducted focusing on two schools that are implementing the STC programme with the aim of consolidating the ongoing supervisory work by CDC. The two schools are Sekolah Menengah Kebangsaan Datin Onn Jaafar and Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth, Batu Pahat, Johor. A total of seventy-one people comprising of 32 students, 16 teachers and 23 parents were selected as respondents of the study. Data was collected using a set of questionnaire and later analyzed using descriptive statistic. The findings reveal that both students and parents greatly support the STC programme. Nevertheless, the teachers were found to be in disagreement and less supportive towards the implementation of the programme. Based on the findings, several recommendations to upgrade the effectiveness of the STC programme have been highlighted for further action by the relevant education authorities.

Keywords: Teachers, Parents and Career Programme.

1.0 PENGENALAN

Pendemokrasian pendidikan adalah persamaan hak bagi setiap individu dalam pendidikan. Namun begitu, konsep pendemokrasiaian pendidikan di Malaysia sewajarnya ditelusuri dalam konteks yang lebih luas dan mendalam demi menjamin sistem pendidikan negara mampu menyumbang dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh itu, pendemokrasian pendidikan di Malaysia perlu dilihat dalam konteks peluang, mutu dan hasil daripada sistem pendidikan yang dijana. Seperti yang dikemukakan oleh Mohd. Salleh Lebar (1998), dalam sistem pendidikan sewajarnya tidak wujud perbezaan dan diskriminasi di pelbagai peringkat pelajar daripada segi peluang dan mutu dalam pelaksanaan sistem pendidikan negara, termasuklah golongan pelajar yang mempunyai potensi rendah ketika mengikuti proses pengajaran atau pelajar yang telah terbukti lemah daripada segi pencapaian akademik dalam sesuatu peperiksaan standard.

Namun begitu dalam konteks realiti, di Malaysia penekanan kepada pencapaian akademik sentiasa menjadi hambatan kepada semua individu yang terlibat dalam sistem pendidikan. Menurut Abdul Rahman Salleh (2000), sistem pendidikan di Malaysia lebih berorientasikan peperiksaan semata-mata. Berdasarkan situasi tersebut, hakikatnya bertentangan dengan pengertian pendemokrasian pendidikan yang hakiki. Ini adalah kerana dengan pendekatan menilai individu berdasarkan keputusan peperiksaan semata-mata, kita sebenarnya telah menyekat 'peluang' seseorang.

Pendemokrasian pendidikan tampak semakin sulit apabila semua pelajar yang menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) secara automatik meneruskan pelajaran ke tingkatan empat. Daripada satu sudut dapat diandaikan wujud pendemokrasiaan, namun daripada sudut yang lain, peluang tersebut merupakan 'perangkap masa' yang impaknya daripada segi proses, mutu dan hasil yang dilalui dan diperolehi oleh individu tertentu, tidak mencerminkan keadilan. Seperti yang ditegaskan oleh Sharifah Nor Puteh (1999), sistem pendidikan di Malaysia telah membenarkan semua pelajar mengambil peperiksaan PMR naik ke tingkatan empat secara automatik tanpa sebarang syarat. Pelaksanaan sistem tersebut menyebabkan bertambah ramai lagi pelajar yang mempunyai kelayakan minimum hilang minat dalam pelajaran dan berprestasi rendah dalam akademik semasa di tingkatan empat dan lima.

Secara hipotesis pelajar berprestasi rendah dalam PMR dan hilang minat belajar akan gagal dalam peperiksaan Sijil Terbuka Malaysia (STM). Adakah kita telah benar-benar berlaku adil dalam pendemokrasiaan pendidikan? Ke manakah haluan mereka? Apakah peluang kerjaya dan pendidikan yang mereka ada? Jawapannya selagi potensi individu di Malaysia bersandarkan keputusan akademik maka selagi itulah kita sebenarnya tidak berlaku adil, mereka tiada arah haluan dan peluang kerjaya mereka sangat sempit dan berkedudukan rendah dalam sektor pekerjaan.

Tiada salahnya pencapaian akademik dijadikan kayu pengukur potensi individu, kiranya pada masa yang sama kita mengiktiraf indikator yang lain. Menurut hasil kajian Howard Gardner (1989) dalam Ainin Mohamad dan Abdullah Hassan (1994), setiap individu berkeupayaan untuk menguasai satu atau lebih kecerdasan: Linguistik, matematik-logik, ruang, muzik, kinestetik-fizikal, interpersonal dan intrapersonal. Berpaksikan kajian tersebut, sewajarnya potensi individu tidak semata-mata merujuk kepada prestasi akademik.

Justeru itu, sebelum kita mendambakan masyarakat melakukan anjakan paradigma dalam konteks menilai potensi individu, difikirkan adalah logik sistem pendidikan di Malaysia menyediakan peluang seadilnya kepada individu berprestasi rendah akademik untuk mengeksploitasi kecerdasan, kemahiran, fizikal dan sahsiah mereka selari dengan Falsafah Pendidikan Negara, ‘...memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani...’

Bertitik tolak daripada tanggungjawab tersebutlah, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), menerusi Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) melaksanakan program Sekolah Ke Kerjaya (SKK) yang bermula pada Jun 1998. Menerusi program SKK, satu kurikulum baru diperkenalkan di 25 buah sekolah perintis di Malaysia dan melihat kepada perlaksanaannya, tafsiran awal yang dapat dibuat ialah program tersebut memenuhi pengertian sebenar pendemokrasiaan pendidikan di Malaysia.

1.1 Konsep SKK

Berdasarkan Panduan Pelaksanaan SKK yang digubal oleh PPK dan Sharifah

Nor Puteh konsep SKK ialah seperti berikut,

- a) Pengertian.
SKK ialah satu program pendidikan dan latihan tempat kerja bagi mengembangkan potensi pelajar dengan mendedahkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran boleh guna melalui pengalaman tempat kerja.
- b) Ojektif.
 - i. Untuk membolehkan pelajar mengikuti panduan pengajaran dan pembelajaran setaraf dengan kebolehan dan keupayaan mereka daripada segi akademik.

- ii. Untuk mengembangkan potensi dan kemahiran boleh guna pelajar melalui tempat kerja.
- iii. Untuk memanfaatkan masa pelajar di peringkat menengah pertama untuk mereka yang pencapaian rendah dari segi akademik.
- iv. Membantu pelajar yang pencapaian rendah menguasai tajuk-tajuk tertentu dalam huraian sukatan pelajaran teras dan elektif di tingkatan empat dan lima.
- v. Membantu guru menyediakan pelajar pencapaian rendah menduduki peperiksaan SPM (kini STM) dan memperolehi kelulusan yang setaraf dengan keupayaan mereka.

c) Pakej Pengajaran dan Pembelajaran Dan Latihan Tempat Kerja.

Bagi melaksanakan program SKK satu pakej pembelajaran yang

mengandungi dua komponen iaitu Panduan Pengajaran dan

Pembelajaran(PPP) dan Latihan Di Tempat Kerja (LTK) diperkenalkan.

Program ini menetapkan nisbah pembahagian waktu antara PPP dan LTK

ialah 60:40 daripada minggu persekolahan bergantung kepada keadaan

sekolah dan juga persetujuan agensi LTK. Antara aplikasi LTK ialah

kemahiran generik: Berkomunikasi, menggunakan teknologi, merancang

dan mengelola aktiviti, bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan,

menyelesaikan masalah, mengurus, memilih dan menganalisis maklumat,

menggunakan idea dan teknik matematik dan memahami budaya. PPK

telah mengenal pasti beberapa bidang kemahiran boleh guna/pengalaman

tempat kerja iaitu perkhidmatan, pertanian/perikanan, industri

pemakanan, industri binaan, pertukangan dan kraf tangan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

KPM telah merealisasikan konsep pendemokrasian pendidikan dengan memberi peluang

kepada semua individu kanak-kanak di Malaysia meneruskan persekolahan selama 11 tahun. Peluang yang dibuka merupakan satu pendemokrasian, terutamanya apabila dibandingkan dengan keterbatasan peluang suatu ketika dahulu apabila individu kanak-kanak terpaksa melalui tapisan awal di tingkatan tiga dengan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah. Bermula pada tahun 1996, KPM telah melonggarkan syarat kemasukan ke tingkatan empat berdasarkan keputusan PMR dengan kelayakan minimum 4D. Pada tahun 1997 dan 1998, syarat kenaikan telah dilonggarkan kepada 1D sahaja. Selanjutnya semenjak tahun 1999 semua pelajar diberi peluang naik ke tingkatan empat secara automatik.

Sekali imbas dasar KPM tersebut merupakan satu bentuk pendemokrasian tulen terutamanya dalam konteks memberi peluang yang adil kepada semua individu. Namun begitu, sekiranya ditelusuri dalam konteks proses: menerima kualiti pendidikan dan hasil daripada penerimaan pendidikan dapat dirumuskan masih terdapat 'ruang' yang boleh diperbaiki. Justeru itu program SKK merupakan satu alternatif untuk memenuhi 'ruang' yang dimaksudkan. Ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh George R. Knight (1982) yang menyatakan pendidikan bukan hanya terhad kepada pembelajaran di peringkat sekolah sahaja (belajar dan menduduki peperiksaan) tetapi lebih merupakan suatu proses pembelajaran yang sewajarnya diikuti oleh setiap individu sepanjang hayat. Dalam konteks inilah program SKK yang mengadunkan aspek menimba pengalaman menerusi LTK sangat relevan kerana individu yang melalui program tersebut dapat menggunakan kemahiran dan pengalaman yang diperolehi selagi hayat dikandung badan.

Bersandarkan kepada persepsi tersebut, pemantauan dan penyelidikan ke atas pelaksanaan program tersebut perlu direncanakan. Tambahan pula program SKK masih di

peringkat awal (lebih kurang 4 tahun : 1998 – 2001), oleh itu adalah lebih mudah untuk mengenali faktor kritikal yang boleh merencat keberkesanan perlaksanaannya.

Justeru itu selain daripada dapatan pemantauan projek rintis oleh PPK, penyelidik telah menjalankan sesi temuduga dengan beberapa pihak yang mempunyai pengalaman langsung mengendalikan program SKK untuk mendapat gambaran berkaitan pelaksanaan program SKK. Pihak-pihak yang dimaksudkan ialah daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Datin Onn Jaafar (SMKDOJ) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth (SMKDS), Batu Pahat, Johor serta Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1(SMKPG 1). Berdasarkan pembacaan laporan projek rintis PPK dan temuduga yang dijalankan antara kritikal faktor yang diperolehi dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu,

a) Pelajar.

- i. Pelajar yang menyertai program ini tidak diberi elaun dan jika ada hanya saguhati daripada agensi. Oleh itu, pelajar lebih berminat untuk berkerja selepas waktu persekolahan kerana mendapat gaji.
- ii. Pelajar berpendapat mereka tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran dengan efektif kerana tempoh latihan yang singkat.
- iii. Prestasi akademik pelajar adalah tidak banyak berubah setelah menyertai program SKK.
- iv. Pelajar tidak memahami konsep program SKK.
- v. Pelajar kurang berminat dengan program SKK.
- vi. Jumlah pelajar yang keluar ketika sedang mengikuti program juga agak ramai.
- vii. Pelajar hilang minat terhadap pelajaran setelah kembali dari tempat latihan.
- viii. Latihan di tempat kerja mengganggu proses pembelajaran pelajar.

b) Guru.

- i. Guru tidak dapat membuat pemantauan yang kerap kerana sibuk dengan pengajaran dang tugas-tugas tambahan di sekolah.
- ii. Guru terpaksa membuat perancangan pengajaran yang berasingan bagi pelajar-pelajar yang menyertai program SKK kerana mereka dibekalkan dengan sukatan pelajaran minimum sedangkan soalan peperiksaan adalah sama bagi semua pelajar.
- iii. Terdapat segelintir guru yang belum memahami konsep program SKK.
- iv. Beban dan tanggungjawab guru bertambah dengan wujudnya program SKK.

- c) Ibu bapa.
 - i. Ibu bapa hanya mengizinkan anak mereka mengikuti LTK hanya semasa di tingkatan empat sahaja manakala semasa anak mereka di tingkatan lima ibu bapa mahu anak mereka menumpukan 100% kepada pelajaran.
 - ii. Terdapat ibu bapa yang tidak menyokong program SKK.
 - iii. Terdapat silap tanggapan di kalangan ibu bapa iaitu mereka bertanggapan apabila anak mereka terpilih mengikuti program SKK, anak mereka tidak mempunyai masa depan yang cerah.

Berdasarkan rekod-rekod yang dicatatkan di ketiga-ketiga buah sekolah penyelidik mendapati pernah berlaku di salah sebuah sekolah sejumlah 33 orang pelajar menarik diri daripada terus mengikuti program SKK daripada 40 orang pelajar dan satu daripada tiga buah sekolah tersebut tidak dapat meneruskan program SKK kerana tidak mendapat kebenaran daripada ibu bapa. Berdasarkan pencapaian keputusan peperiksaan SPM pula, penyelidik dapati terdapat sekolah yang pelajar program SKK mencatatkan keputusan 100% gagal.

Di samping itu, beberapa pengkaji telah mengemukakan dapatan berkaitan dengan masalah pelaksanaan SKK. Antaranya Carol Innerst (1999) yang menyatakan masa pelajar banyak terbuang bagi tujuan akademik. D. Mark Wilson (1999) yang menjalankan kajian di Amerika Syarikat mendapati kebanyakan pelajar tidak mempunyai kemahiran asas seperti membaca, menulis dan kemahiran analitikal untuk masuk ke alam pekerjaan. Antara masalah lain yang dikenal pasti ialah,

- a) SKK hanya memberi fokus kepada kontekstual.
 - b) SKK distruktur mengikut kehendak sekolah.
 - c) SKK tidak terbuka kepada pelajar secara sukarela.
- Robert Holland (1997) pula mengemukakan masalah seperti berikut,
- a) Pelajar terlalu awal memasuki alam pekerjaan.
 - b) SKK menyempitkan kurikulum secara drastik sehingga menyebabkan sukar melahirkan pelajar yang mahir dalam semua perkara.
 - c) SKK menyekat kebebasan individu dan keluarga.

Memandangkan program SKK masih baru diperkenalkan di sekolah-sekolah, dapatan kajian daripada pihak PPK dan kajian-kajian di luar negara serta hasil temuduga dengan pihak-pihak yang terbabit mendapati pelbagai kritikal faktor wujud dalam pelaksanaan program tersebut, maka adalah perlu satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti persepsi sebenar di kalangan para pelajar, guru dan ibu bapa terhadap penerimaan program SKK.

3.0 OBJEKTIF.

Kajian yang dijalankan memberi fokus kepada objektif berikut:

- i. Menenal pasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan program SKK.
- ii. Menenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan program SKK.
- iii. Menenal pasti persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan program SKK.

4.0 SKOP

Skop kajian adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah sahaja iaitu SMKDOJ dan SMKDS.
- ii. Responden hanya terdiri daripada pelajar, guru-guru dan ibu bapa daripada kedua-dua sekolah tersebut yang terlibat secara langsung dengan program SKK.
- iii. Kajian difokuskan kepada sudut persepsi sahaja.
- iv. Persepsi pelajar diskopkan kepada aspek manfaat yang diperolehi, kesesuaian latihan, pengurusan pembelajaran dan sokongan ibu bapa.
- v. Persepsi guru ditumpukan kepada aspek manfaat yang diperolehi oleh pelajar, tugas dan bebanan guru, perubahan positif yang berlaku kepada pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran dan sambutan dan sokongan yang diberikan sahaja.
- vi. Persepsi ibu bapa diuruskan kepada aspek manfaat yang diperolehi oleh anak mereka, sambutan dan sokongan yang diberikan, perubahan positif yang berlaku kepada anak dan penguasaan pembelajaran anak sahaja.

5.0 METODOLOGI

Reka bentuk penyelidikan yang dijalankan ialah kajian kes yang melibatkan seramai 71 orang yang terdiri daripada 32 orang pelajar, 16 orang guru dan 23 orang ibu bapa di sekolah SMKDOJ dan SMKDS sebagai responden. Instrument kajian yang digunakan ialah soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan setiap item yang dibina. Menerusi program SPSS versi 7.5 ujian “Reliability analysis-Scale Alpha” telah dijalankan dan hasilnya didapati kebolehpercayaan semua item bagi pernyataan persepsi pelajar ialah 0.77, semua item guru ialah 0.86 dan semua item ibu bapa ialah 0.61. Oleh itu adalah diyakini bahawa semua item dalam soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan min bagi memenuhi objektif kajian yang ditetapkan dan tafsiran min yang digunakan adalah seperti jadual berikut,

Jadual 1: Tafsiran Min.

MIN	TAFSIRAN
1.0 hingga 1.4	Sangat tidak bersetuju.
1.5 hingga 2.4	Tidak setuju.
2.5 hingga 3.4	Kurang setuju.
3.5 hingga 4.4	Setuju.
4.5 hingga 5.0	Sangat setuju.

6.0 Dapatan Kajian.

6.1 Persepsi Pelajar Terhadap Program SKK.

Jadual 2: Min Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Program SKK.

RINGKASAN PERNYATAAN	MIN
ASPEK MANFAAT	
1. Program SKK memberi manfaat.	4.47
2. Program SKK memberi pengalaman baru.	4.47
3. Menerusi program SKK dapat mempelajari kemahiran	3.81
ASPEK KESESUAIAN LATIHAN	
4. Latihan yang diikuti dapat menambah kemahiran sedia ada.	4.16
5. Latihan yang diberi sesuai dengan pengetahuan yang dimiliki.	3.78
6. Tempat menjalani latihan sesuai dengan kemahiran diri.	3.66
7. Masa mengikuti latihan adalah sesuai.	4.09
8. Masa mengikuti latihan perlu ditambah.	3.44
ASPEK PENGUASAAN PEMBELAJARAN	
9. Program SKK tidak mengganggu proses pembelajaran.	3.53
10. Lebih berminat untuk belajar setelah melalui program SKK	4.06
ASPEK SOKONGAN TERHADAP PROGRAM SKK	
11. Selalu menerima dorongan.	4.31
12. Menerima layanan yang baik daripada pihak agensi.	4.31

13. Agensi perlu membayar elaun	4.25
14. Persekitaran latihan merangsang motivasi	3.81
15 Menyokong program SKK diteruskan.	4.18
MIN KESELURUHAN	4.06

Berdasarkan Jadual 2, didapati secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan pelajar bersetuju terhadap pelaksanaan program SKK dengan min 4.06 yang merangkumi aspek manfaat yang diperolehi oleh pelajar, kesesuaian latihan yang mereka ikuti, penguasaan pembelajaran dan sokongan terhadap program SKK berdasarkan reaksi persepsi mereka terhadap setiap item pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik. Responden hanya memberikan satu reaksi kurang bersetuju terhadap pernyataan yang dikemukakan iaitu masa mengikuti LTK hendaklah ditambah (min 3.44). Seperkara yang menarik mengenai persepsi responden ialah pelajar memberi tanggapan adalah wajar bagi pihak agensi LTK memberi elaun kepada mereka sebagai satu cara pihak agensi menunjukkan sokongan terhadap program SKK.

6.2 Persepsi Guru Terhadap Program SKK.

Jadual 3: Min Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Program SKK.

RINGKASAN PERNYATAAN	MIN
ASPEK MANFAAT	
1. Program SKK memberi manfaat kepada pelajar.	3.75
2. Proram SKK dapat meningkatkan kemahiran kepada pelajar	3.75
ASPEK BEBANAN	
3. Beban kerja tidak banyak bertambah.	3.38
4. Mempunyai cukup masa untuk membuat pemantauan.	2.56
ASPEK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	
5. Tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.	2.31
6. Tidak mengalami masalah mengajar pelajar program SKK.	2.69
7. Menggunakan sukatan yang dikeluarkan oleh PPK.	3.44
8. Menyediakan pelajar untuk lulus SPM berdasarkan keupayaan pelajar	2.69
ASPEK PERUBAHAN POSITIF PELAJAR	
9. Terdapat perubahan positif kepada diri pelajar.	2.88
10. Disiplin pelajar bertambah baik.	2.69
11. Pelajar lebih berminat untuk belajar.	2.44
ASPEK SOKONGAN TERHADAP PROGRAM SKK	
12. Pelajar diberi elaun	3.88
13. Program SKK perlu diteruskan	3.31
14. Program SKK wajar diwajibkan kepada pelajar lemah	3.19
15. Sentiasa memberi motivasi kepada pelajar program SKK.	3.81
MIN KESELURUHAN	3.10

Berdasarkan Jadual 3, didapati secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan guru kurang bersetuju terhadap pelaksanaan program SKK dengan min 3.10 yang merangkumi aspek manfaat yang diperolehi oleh pelajar, bebanan tugas, proses pengajaran dan pembelajaran, perubahan positif diri pelajar dan sokongan terhadap program SKK berdasarkan reaksi persepsi mereka terhadap setiap item pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik. Responden yang terdiri daripada 16 orang guru daripada dua buah sekolah jelas kurang setuju dengan pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan program SKK membawa perubahan positif kepada pelajar dengan min 2.88, 2.69 dan 2.44. Di samping itu, mereka jelas tidak bersetuju (min 2.31) dengan pernyataan, 'Program SKK tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.'

6.3 Persepsi Ibu Bapa Terhadap Program SKK.

Jadual 4: Min Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pelaksanaan Program SKK.

RINGKASAN PERNYATAAN	MIN
ASPEK MANFAAT	
1. Program SKK memberi manfaat kepada anak.	4.35
2. Program SKK dapat meningkatkan kemahiran kepada anak.	4.21
3. Program SKK dapat menyediakan anak kepada alam pekerjaan.	4.17
ASPEK PERUBAHAN POSITIF ANAK	
4. Terdapat perubahan positif kepada diri anak.	3.87
5. Disiplin anak bertambah baik.	3.74
6. Anak lebih berminat untuk belajar.	3.43
ASPEK PENGUASAAN PEMBELAJARAN	
7. Tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.	3.52
8. Anak boleh mendapat kelulusan SPM setaraf dengan keupayaan.	3.87
ASPEK SOKONGAN TERHADAP PROGRAM SKK	
9. Memberi sokongan kepada anak.	4.17
10. Sanggup memberi sumbangan material.	3.65
11. Berbincang dengan anak berkaitan masalah yang dihadapi.	3.52
12. Anak patut diberi elaun.	4.13
13. Anak patut diberi elaun.	4.26
13. Program SKK patut diteruskan.	3.74
14. Program patut diteruskan walaupun berada di tingkatan 5.	3.74
15. Berbincang dengan guru yang menguruskan program SKK.	
MIN KESELURUHAN	3.89

Jadual 4 menunjukkan ibu bapa bersetuju terhadap pelaksanaan program SKK (min 3.89) yang merangkumi aspek manfaat yang diperolehi oleh anak, bebanan tugas, perubahan positif diri anak, penguasaan pembelajaran dan sokongan terhadap program SKK berdasarkan reaksi persepsi mereka terhadap setiap item pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik. Responden yang terdiri daripada 23 orang ibu bapa memberikan persetujuan dengan min 4.26 dan 4.35 terhadap pernyataan program SKK wajar diteruskan dan program tersebut memberi manfaat kepada anak mereka. Responden hanya kurang bersetuju terhadap satu pernyataan iaitu anak mereka semakin berminat untuk belajar (min 3.43) setelah mengikuti program SKK.

7. KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP.

7.1 Kesimpulan.

Daripada dapatan kajian, penyelidik merumuskan terdapat beberapa penemuan yang selari dengan pernyataan masalah yang dikemukakan pada awal kajian. Antara yang paling ketara ialah berkaitan pemberian elaun kepada pelajar yang mengikuti LTK. Dapatan menunjukkan tidak wujud percanggahan persepsi antara pelajar, guru dan ibu bapa dalam hal tersebut. Di samping itu, ibu bapa dan guru mempunyai persepsi yang sama terhadap pernyataan masalah yang berkaitan dengan pelajar minat terhadap pelajaran setelah mengikuti program SKK.

Walau bagaimanapun terdapat juga pernyataan masalah yang kontra dengan dapatan kajian. Antaranya iaitu berkaitan dengan penguasaan kemahiran. Dapatan kajian menunjukkan sama ada pelajar, guru atau ibu bapa mempunyai persepsi bahawa pelajar dapat mempelajari kemahiran dan menguasai kemahiran yang dipelajari sedangkan pada bahagian pernyataan masalah dinyatakan bahawa antara isu dalam pelaksanaan program SKK ialah pelajar tidak menguasai kemahiran yang dipelajari.

Daripada segi persamaan persepsi bagi aspek manfaat dan sokongan program SKK diteruskan yang dikemukakan kepada ketiga-tiga kumpulan responden menerusi soal selidik didapati pelajar, guru dan ibu bapa mempunyai persamaan dalam aspek program SKK memberi manfaat kepada pelajar. Namun begitu bagi aspek memberi sokongan agar program SKK diteruskan dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi antara ibu bapa dan guru.

Merujuk kepada aspek perubahan positif pelajar setelah mengikuti program SKK yang dikemukakan kepada ibu bapa dan guru, dapatan kajian menunjukkan ibu bapa memberi persepsi positif terhadap aspek tersebut tetapi guru adalah sebaliknya. Bagi aspek penguasaan pembelajaran yang dikemukakan kepada pelajar dan ibu bapa, dapatan kajian menunjukkan pelajar dan ibu bapa mempunyai persepsi yang positif terhadap aspek tersebut.

Berdasarkan aspek kesesuaian latihan yang diterima yang dikemukakan kepada pelajar, dapatan kajian menunjukkan mereka memberi persepsi yang positif manakala aspek bebanan tugas dan proses pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan kepada guru dapatan kajian menunjukkan guru memberi persepsi bahawa tugas mereka bertambah dan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan efektif dengan kewujudan program SKK.

7.2 Cadangan.

Antara cadangan yang difikirkan perlu dipertimbangkan ialah,

- a) Memberi elaun kepada pelajar yang mengikuti program SKK.
- b) Mewujudkan jawatan khas (melantik guru) untuk menguruskan program SKK di sekolah secara sepenuh masa.
- c) Mewujudkan komuniti khas yang tetap untuk merancang, melaksana, memantau dan mengkaji keberkesanan program di sekolah dan bukannya sekadar 'ad-hoc' seperti sedia ada sekarang.
- d) Menyediakan kertas soalan/peperiksaan berasingan sama ada di peringkat sekolah atau peperiksaan STM.
- e) Nisbah masa PPP dan LTK ialah 40: 60 bukannya 60:40.
- f) Tempat LTK hendak di selaraskan (direkodkan secara berpusat) sama ada dengan Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia.
- g) Penilaian aspek kemahiran yang diperolehi hendaklah dinilai secara bersama antara pengurus di tempat kerja dan guru. Nisbah pemarkahan yang dicadangkan ialah 60:40.
- h) Keputusan penguasaan kemahiran hendaklah dicatatkan dalam slip/sijil peperiksaan dan diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi dan majikan kerajaan dan swasta. Sehubungan dengan itu satu majlis bersama untuk memperinci dan meluluskan kurikulum SKK hendaklah diwujudkan antara PPK, JPT, Majlis Latihan Vokasional dan Teknikal (MLVK), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan wakil majikan swasta.
- i) Satu perjanjian bertulis hendaklah dibuat antara pihak tempat latihan dengan pihak sekolah dan antara pelajar/ibu bapa dengan pihak sekolah.
- j) Pemilihan pelajar hendaklah berdasarkan minat bukannya paksaan atau pujukan dan pelajar hendaklah di tempatkan di lokasi latihan mengikut minat/pilihan mereka. Adalah lebih baik tidak melaksanakan program SKK sekiranya pelajar ditempatkan di tempat latihan yang tidak mengikut kecenderungan mereka.
- k) Setelah hampir empat tahun melalui tempoh percubaan, adalah dicadangkan program SKK diumumkan sebagai program rasmi KPM (mendapat restu kabinet) dan sesi penerangan yang jelas dan terperinci termasuk implikasi positif dan negatif di sebarluaskan kepada pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat.
- l) Satu bentuk wacana idea perlu diwujudkan di peringkat nasional dan antarabangsa sama ada menerusi saluran seminar, perbengkelan, kursus atau pertemuan khusus.

7.3 Penutup.

Menelusuri pengalaman yang penyelidik tempoh sepanjang menjalankan kajian program SKK dan hasil kajian yang diperolehi, penyelidik tidak berasa ragu untuk menyatakan bahawa program tersebut merupakan satu daripada 'baby' PPK, KPM yang menjurus kepada pendemokrasiaan pendidikan tulen di Malaysia. Pada dasarnya agenda yang direncana menerusi program tersebut adalah diterima di kalangan klien organisasi

pendidikan. Timbulnya persepsi yang negatif sama ada dinyatakan di peringkat pernyataan masalah atau hasil kajian terutamanya di kalangan guru-guru bukanlah disebabkan kelemahan program tersebut secara total tetapi difikirkan kerana kurangnya sokongan daripada segi input sumber manusia, modal, kurikulum dan penilaian. Halangan-halangan seperti nisbah masa dan komitmen agen pelaksana merencatkan pengoperasiannya manakala daripada segi output masih belum ada indikator pengiktirafan yang jelas. Justeru itu, pengkaji mengusulkan program SKK diteruskan dengan pendekatan yang lebih sistematik, bersepadu dan terancang. Semoga individu kanak-kanak mendapat hak yang saksama dalam sistem pendidikan Malaysia: Pendemokrasiaan untuk semua.

BIBLIOGRAFI.

- Abdul Rahman Salleh (2000). Senario Proses Pendidikan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Kuala Lumpur.
- Ainon Mohamad dan Abdullah Hassan (1994). Teknik Berfikir, Konsep Dan Proses. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd..
- Carol Innerst (1999). "School To Work: Right Problem, Wrong Solution." <http://ncrve.berkeley.edu/MDS-1144/MDS/-1144-I.2.html>.
- D. Markwilson (1999). Time to End Trouble School to Work Programme. <http://www.heritage/backgrounder/bg1524.html>.
- George R, Knight (1982). "Issues and Alternatives in Educational Philosophy." Michigan: Andrews University Press.
- Mohd. Salleh Lebar (1998). Kesamaan Peluang Dalam Pendidikan. Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Sharifah Nor Puteh, Dr. (1999). "Sekolah Ke Kerjaya (Tidak DiTerbitkan)." Kuala Lumpur: PPK, KPM.
- Robert Holland (1997). "Focus: What Wrong With School-to-Work. Conference." Entitle What Goals 2000 Means to State. <http://eagleforum.org/educate/1987/may97/holand.html>.